

## IMPLEMENTATION OF ISLAMIC CLEANSING (SERTU) IN THE HALAL INDUSTRY

### PERLAKSANAAN SERTU KONTEMPORARI DALAM INDUSTRI HALAL

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>i</sup>, Mustafa 'Afifi Abdul Halim<sup>ii</sup> & Sumaiyah Abd Aziz<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mahyeddin@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. afifi@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Penyelaras, International Fatwa and Halal Centre (IFFAH) & Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. sumaiyah@usim.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The development of the halal industry both domestically and globally has indirectly increase demand for the services of the Islamic cleansing (sertu). However, there is a problem to the industry due to the reason that hadith only describes Islamic cleansing (sertu) in general, whereas industrial requirements are more complicated because the process also involves water-sensitive equipment and machines. Thus, it requires a more detailed Islamic cleansing (sertu) standard to enable it to be practiced by the industry. This article aims to explain the traditional practice of Islamic cleansing (sertu) according to Islamic law, to review the practice of modern Islamic cleansing (sertu) in the context of the halal industry, lastly to analyze the procedures and management of Islamic cleansing by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the state Islamic Religious Department (JAIN). This study adopted qualitative methodology using document analysis, interviews and observations as data collection methods. The results show that the practice of the Islamic cleansing (sertu) in the industry has grown rapidly using sophisticated and modern equipment and technologies, but it is still grounded by Islamic principles. There are also Islamic cleansing (sertu) products used by the industry including soil-based soaps and liquid detergents. In addition, strengthening human capital is also important through specialized training to create more Islamic cleansing (sertu) professional in the industry.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Sertu, Industry, Halal, Equipment, Standard.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Perkembangan industri halal di peringkat domestik dan global telah secara tidak langsung memacu permintaan terhadap perkhidmatan sertu. Namun permasalahan yang timbul ialah, nas hadis hanya menjelaskan sertu dalam bentuk umum, sedangkan keperluan industri adalah sebaliknya kerana proses sertu turut melibatkan peralatan dan mesin yang sensitif dengan air, serta memerlukan standard sertu yang lebih terperinci bagi membolehkannya dipraktikkan oleh industri. Artikel ini bertujuan menjelaskan amalan sertu tradisional menurut Syarak, mengkaji amalan sertu moden dalam konteks industri halal dan menganalisis prosedur dan pengurusan sertu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan agama Islam negeri (JAIN). Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen, temubual dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data. Hasil kajian menunjukkan amalan sertu industri telah berkembang pesat menerusi</i></p>

	<p><i>penggunaan peralatan dan teknologi yang lebih canggih dan moden, namun masih berpaksikan kepada panduan Syarak. Terdapat juga produk-produk sertu yang sudahpun digunapakai oleh industri antaranya sabun taharah, dan cecair pencuci sertu. Selain itu, pemeraksanaan modal insan juga penting menerusi latihan yang khusus bagi mewujudkan lebih ramai jurusertu professional di industri.</i></p> <p>Katakunci: <i>Sertu, Industri, Halal, Peralatan, Standard.</i></p>
--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## PENDAHULUAN

Dalam perbahasan ilmu fiqh, sertu merupakan salah satu cabang daripada kaedah penyucian najis. Sertu boleh didefinisikan sebagai perbuatan menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali diikuti air mutlak enam kali. Dari sudut Bahasa Melayu, sertu adalah istilah yang sinonim dengan samak atau menyamak (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Meskipun pada asalnya sertu hanyalah bertujuan memenuhi tuntutan agama bagi membolehkan ibadah solat dilakukan secara sah dan sempurna, namun pada masa kini ia telah berubah menjadi satu cabang industri baru. Ini terbukti apabila sertu kini mula diusahakan secara komersial oleh beberapa syarikat tempatan.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada perkara ini ialah kerancakan perkembangan industri halal yang menyebabkan semakin ramai para pengusaha industri dalam bidang makanan dan perhotelan yang ingin beralih kepada persijilan halal. Sejalan dengan itu, sertu telahpun berkembang luas dan meliputi pelbagai sektor seperti sertu dapur, kontena, kapal, premis, mesin dan peralatan.

Kepentingan sertu semakin mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, bahkan juga bukan Islam. Ini kerana kedapatan sesetengah kilang, premis, kapal, hotel milik bukan Islam dan sebagainya yang memproses sesuatu produk atau menyediakan menu makanan kepada pelanggan Muslim, menggunakan barang untuk memasak atau menggunakan peralatan yang telah terkena najis *mughallazah* seperti produk yang disahkan mengandungi DNA babi (JAKIM, 2013). Tambahan pula, isu yang melibatkan pencemaran produk atau premis dengan najis *mughallazah* merupakan perkara yang sangat sensitif bagi umat Islam.

Di Malaysia, beberapa paparan berita oleh akhbar-akhbar tempatan memberikan gambaran betapa sertu adalah satu isu yang begitu penting. Sebagai contoh, pada 7 Mac 2018 akhbar *Malaysian Digest* melaporkan Ahli Jawatankuasa Masjid Sungai Plong, Sungai Buloh bertindak menyertu  $\frac{3}{4}$  kawasan masjid serta menggantikan kesemua karpets di ruangan solat setelah dicemari oleh darah babi hutan yang tersesat masuk ke dalam masjid. Ketika ini, kos penukaran karpets yang mahal bukanlah isu utama, asalkan ibadah dapat dilakukan dalam keadaan sempurna.

Turut dilaporkan ialah tindakan pantas oleh para peniaga di Malaysia menyertu premis yang dicemari oleh najis *mughallazah*, semata-mata untuk menarik kepercayaan pelanggan Muslim. Ini disokong oleh laporan oleh akhbar atas talian Malaysiakini, pada 30 Mei 2017 mengenai tindakan McDonald's yang menyertu sebuah restorannya di Bukit Indah, di Johor Bahru selepas sekumpulan remaja membawa anjing ke tempat itu.

Sebelum itu, akhbar *Kosmo* pada 7 September 2015 melaporkan mengenai Tesco Malaysia terpaksa memanggil Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid Jamek Kampung Plentong Baru untuk menyertu lebih 200 buah troli. Ia berikutan dua orang pengunjungnya bertindak membawa masuk seekor anjing ke dalam pasar raya Tesco Extra Plentong, yang kemudiannya kencing di atas salah satu troli tersebut.

Rentetan itu, timbul beberapa persoalan mengenai kaedah pelaksanaan sertu dalam era kontemporari, khususnya apabila melibatkan premis yang luas, kawasan berkarpets, dan peralatan rumit seperti mesin yang sensitif dengan air. Dalam keadaan ini, sudah tentu sertu perlu dilakukan berhati-hati mengikut kaedah khusus selain penggunaan peralatan serta teknologi sertu yang lebih canggih dan sesuai.

Ini bagi memastikan amalan serto dapat dilaksanakan dengan baik, di samping membuang gambaran negatif masyarakat bahasa ajaran Islam itu menyusahkan. Selain itu, kriteria tanah yang digunakan sebagai bahan serto juga perlu diberi perhatian kerana terdapat mesin yang mudah rosak jika terkena tanah. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjelaskan amalan serto tradisional menurut Syarak, mengkaji aspek praktikaliti serto dalam industri halal, dan menganalisa aspek prosedur dan pengurusan serto yang diamalkan di di Malaysia.

### SERTU MENURUT MAZHAB SYAFIE

Serto menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali. Istilah serto juga sinonim dengan samak dari sudut Bahasa Melayu. Hukum serto didasarkan kepada beberapa dalil, antaranya hadis yang menyatakan keperluan mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan, termasuk salah satu basuhan menggunakan air tanah.

Menurut mazhab Shafi'i, sunat menggunakan air tanah pada basuhan pertama atau kedua, dan air tanah tidak boleh digantikan dengan bahan lain seperti sabun, tumbuhan dan lain-lain (Hajah Durriyyah al-Aizh, t.th). Hadis keperluan melaksanakan serto direkodkan oleh Imam Muslim dalam *Sahihnya* seperti berikut:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَهُورٌ إِنَاءٌ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهِنَ بِالتُّرَابِ }

Maksudnya, "Daripada Abū Hurayrah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: "Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah" (Hadis. Muslim. *Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb.* 279)

Dalam riwayat hadis yang lain, digunakan istilah "*ihdahunna*" yang bermaksud 'salah satu basuhan' ialah menggunakan air tanah. Ketika menjirus air, tidak wajib menyelati kawasan yang terkena najis *mughallazah* dengan menggunakan tangan, tetapi cukup sekadar mengalirkan air di kawasan tersebut (Hajah Durriyyah al-Aizh, t.th). Selain itu, dalam hadis yang lain Rasulullah SAW mengarahkan supaya air yang berada dalam bekas yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan selepas itu bekas tersebut mestilah dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurayrah sepertimana berikut:

{ إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيُرْفُهُ ثُمَّ لِيَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ }

Maksudnya, "Apabila anjing menjilat bekas minuman salah seorang daripada kamu, maka hendaklah buang air yang ada di dalam bekas itu, kemudian hendaklah dibasuh tujuh kali" (Hadis. Muslim. *Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb.* 279).

Ibn Daqīq al-ʿAyd (t.th) ketika mensyarahkan hadis jilatan anjing tersebut berkata, berdasarkan kepada kedua-dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa anjing termasuk dalam kategori najis. Ini kerana, arahan Rasulullah SAW supaya air yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan bekasnya dibasuh, seperti dinyatakan pada hadis yang kedua, menunjukkan bahawa ia adalah najis. Selain itu, lafaz *ṭahūr* yang bermaksud 'bersih' hanya digunakan dalam dua keadaan iaitu sama ada; bersih daripada hadas atau daripada najis. Justeru, dalam konteks bekas minuman, istilah yang lebih tepat digunakan adalah bersih daripada najis.

Meskipun nas hadis secara zahir hanya menyebut jilatan anjing sahaja sebagai najis, tetapi menurut jumhur ulama, bahagian-bahagian anjing yang lain seperti kulit, bulu dan tulang juga adalah najis. Perkara ini ditetapkan berdasarkan kepada kaedah *qiyās*. Ini kerana, sekiranya mulut anjing yang dianggap sebagai bahagian yang paling bersih pun

dihukumkan najis (disebabkan tabiat anjing sering menjilat lidah ke mulutnya), maka apatah lagi bahagian-bahagian yang selainnya, sudah tentulah lebih utama dianggap najis (al-Zuhaylī, 2007, 1:306; Ibn Hajar al-Haytamī, 1983, 1:312). Justeru, kesemuanya perlu dibersihkan dengan kaedah sertu yang disebutkan dalam hadis.

Manakala untuk kes peralatan yang dicemari najis babi, mazhab Shafi'i berpandangan kaedah membasuhnya adalah sama seperti membersihkan najis anjing (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, 2017 & Mohd Mahyeddin Mohd Saleh, Irwan Mohd Subri, Mustafa 'Afifi Abdul Halim & Nisar Mohammad Ahmad, 2017). Perkara ini ditetapkan menerusi kaedah *qiyās*, bersandarkan kepada hujah bahawa keadaan babi adalah lebih teruk berbanding anjing.

Perkara ini dihuraikan lebih lanjut Abū Ishāq al-Shīrāzī (t.th) seperti berikut:

*"Adapun babi, ia adalah najis kerana keadaannya lebih teruk daripada anjing, dan kerana ia harus dibunuh walaupun ia tidak mendatangkan kemudaratan, dan kerana terdapat nas yang mengharamkannya. Maka sekiranya anjing adalah najis, babi adalah lebih utama dari segi najisnya. Termasuk juga apa-apa yang lahir daripada kedua-duanya atau salah satu daripadanya, hukumnya adalah najis kerana ia berasal daripada makhluk yang najis".*

Berdasarkan nas hadis, baginda Rasulullah SAW juga tidak menyatakan secara spesifik mengenai jenis tanah yang perlu digunakan, justeru perkara ini kekal dalam hukumnya yang umum, iaitu bermaksud boleh menggunakan apa sahaja jenis tanah yang dicampur air, asalkan tidak dicemari dengan najis. Walaubagaimanapun, dalam konteks masa kini, terdapat keperluan supaya diwujudkan standard tanah yang ingin digunakan untuk menyertu, kerana ada sesetengah peralatan yang sensitif dengan tanah biasa.

Berhubung alternatif kepada air tanah pula, sudah ada fatwa di Malaysia yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006; mengenai keharusan menggunakan sabun tanah liat atau sabun *taharah*. Namun beberapa syarat mesti dipatuhi iaitu tanah tersebut suci, peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain, serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut Syarak.

### **SERTU DALAM INDUSTRI HALAL**

Proses sertu yang ditetapkan oleh Syarak sebenarnya sedikit berbeza dengan apa yang diamalkan dalam industri halal ketika ini. Ini kerana, jika melihat kepada saranan baginda Rasulullah SAW, sertu boleh dilakukan menggunakan air tanah, tanpa dikhususkan jenis-jenis tanah tertentu. Walaubagaimanapun, dalam industri terdapat peralatan dan mesin yang amat sensitif serta mudah rosak jika terkena air tanah. Justeru, keadaan ini memerlukan kepada penetapan spesifikasi dan standard tanah yang bersesuaian.

Sehubungan itu, terdapat beberapa kajian yang telah dibuat mengenai spesifikasi tanah untuk proses sertu. Antaranya kajian oleh Puziah Hashim, Norrahimah Kassim, Dzulkifly Mat Hashim, dan Hamdan Jol (2013), berjudul *"Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry"*. Mereka menekankan kepada kriteria tanah untuk tujuan sertu termasuk dari sudut pH, kelembapan, kandungan mikroba dan logam toksik tanah. Pembangunan kriteria ini boleh meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk halal, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan industri halal.

Selain itu, terdapat kajian lain oleh Norrahimah Kassim, Puziah Hashim, Dzulkifly Mat Hashim, dan Hamdan Jol (2014) berjudul *"New Approach of Samak Clay Usage for Halal Industry Requirement"*. Menurut mereka, proses sertu dalam industri halal tidak boleh lagi berpandukan kaedah tradisi, sebaliknya perlu juga meraikan jenis-jenis mesin yang hendak dibersihkan disebabkan sifatnya yang sensitif dan mudah rosak jika terdedah kepada bahan pencuci tertentu. Kajian mereka telah menyarankan keperluan mewujudkan garis panduan penggunaan tanah liat untuk tujuan sertu dalam bidang-bidang berkaitan halal. Ini termasuklah pengambilkiraan sifat kimia tanah, keselamatan dan kandungan toksik.

Terdapat juga pengkaji yang melihat dari sudut integriti amalan sertu bagi halal logistik, sepertimana yang dilakukan oleh Noorsiah Ahmad dan Sariwati Mohd Shariff (2016). Kajian ini menekankan kepada kesedaran yang perlu dimiliki oleh para pengusaha yang terlibat dalam rantai penyediaan makanan halal, mengenai kepentingan sertu. Bagi memastikan integriti halal mengenai sertu terjaga, ia perlu kepada pemeraksanaan empat faktor iaitu prosedur, produk, proses dan pelaksana sertu.

Di peringkat JAKIM pula, telah pula diwujudkan satu garis panduan khusus mengenai sertu iaitu "Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam". Garis panduan ini perlu dirujuk oleh penyedia-penyedia perkhidmatan sertu dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ketika proses sertu ingin dilakukan.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Dalam kajian ini, tiga kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu analisis dokumen, temubual dan pemerhatian. Analisis dokumen dibuat terhadap sumber-sumber rujukan primer dan sekunder, termasuk garis panduan sertu yang dikeluarkan oleh JAKIM. Proses temubual dilakukan secara separa berstruktur bagi membolehkan pengkaji mendapat maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan spesifik.

Teknik temubual telah dijalankan secara bersemuka dengan lima (5) agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan sertu di Malaysia iaitu; i) Global Dibagh Sdn. Bhd. ii) HALJOB Solution Plt (penyedia khidmat sertu), iii) Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Selangor, iv) Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan dan; v) Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (pihak autoriti agama). Selain itu pemerhatian telah dibuat di Brahim's SLT KLIA selaku pengguna khidmat sertu.

### **DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kaedah moden pelaksanaan sertu dapat dirumuskan seperti berikut.

#### **Penyediaan Bahan Sertu**

Syarat umum bagi tanah yang hendak digunakan untuk sertu mestilah tanah yang suci yang tidak mengandungi unsur najis, bebas daripada sebarang kotoran seperti minyak dan bukan tanah yang telah digunakan untuk tayammum (*musta'mal*). Bagaimana menurut garis panduan JAKIM (2013), antara cara penyediaan tanah yang baik adalah seperti berikut:

- i. Tanah yang baik digunakan adalah tanah liat seperti tanah untuk membuat barangan tembikar, yang diambil sekurang-kurangnya 4 meter dibawah paras bumi.
- ii. Tanah tersebut hendaklah dijemur kering, dihancurkan sehingga menjadi debu dan dipastikan tidak tercemar dengan sesuatu najis. Debu yang terkumpul itu dijadikan sebagai bahan utama untuk proses sertu yang hendak dilaksanakan.
- iii. Walau bagaimanapun, sekiranya sukar mendapatkan tanah yang baik, maka cukup sekadar menggunakan mana-mana bahagian tanah yang diyakini suci dan bersih sahaja.

#### **Kaedah Sertu Mesin Pembuatan Ubat, Kontena, Dapur, Paip, Tangki, Pinggan Mangkuk dan Karpit**

Tidak semua keadaan boleh disertukan menggunakan kaedah tradisional. Sebaliknya proses sertu perlu melihat kepada situasi dan keadaan tempat yang ingin dibersihkan. Berdasarkan garis panduan JAKIM (2013), sekiranya premis atau kilang memiliki alat-alat kompleks yang menyusahkan untuk dibuka seperti kilang ubat-ubatan maka sertu boleh dilakukan dalam keadaan berikut:

- i. Campuran air dan tanah mestilah melebihi 0.6% hingga 2.5% mengikut kepekatan air yang diperlukan.
- ii. Sertu barangan yang sensitif: Sebatian air bercampur tanah tersebut boleh diletakkan di dalam botol 'spray' dan disembur ke permukaan yang hendak disertu sehingga air tersebut mengalir sebagai cucian pertama.
- iii. Sertu peralatan ubat: Untuk sertu bahagian kepala yang memadatkan (*compress*) debu menjadi ubat, maka perlu menyediakan satu sebatian tanah yang lembab dan boleh dicampur dengan bahan pembuatan ubat (yang kosong - 'base component') dan dilalui ke dalam mesin pembuatan itu sebagai basuhan pertama, manakala selepas itu boleh diikuti dengan enam (6) kali sebatian lembab yang lain.
- iv. Sertu bahagian 'operational line' seperti 'convey belting': Hendaklah dibasahkan kain/sponge dengan air bercampur tanah dan dialirkan keseluruh 'operational line' bagi basuhan pertama. Selepas itu proses yang sama hendaklah diulang sebanyak enam (6) kali lagi menggunakan air bersih yang biasa atau yang mempunyai campuran bahan yang suci.
- v. Sertu kontena: Sebatian air tanah yang secukupnya hendaklah disediakan kemudian disembur ke permukaan kontena sehingga mengalir dan digosok dengan penyapu untuk meratakan air tersebut ke seluruh permukaan kontena terbabit.
- vi. Sertu dapur: Hendaklah dibersihkan dapur tersebut dari minyak dan *ayn najasat* yang lain sebelum diratakan dengan air yang dibancuh dengan tanah sehingga rata.
- vii. Sertu saluran paip: Hendaklah disediakan sebatian air bercampur tanah yang mencukupi dan dilalui ke dalam paip berkenaan sama ada menggunakan pam atau alatan yang bersesuaian.
- viii. Sertu tangki penyimpanan: Hendaklah diratakan air sebatian ke permukaan dalam tangki tersebut.
- ix. Sertu mesin: Tatacara berikut boleh diikuti: (a) Air sabun tanah liat boleh disembur atau dibasuh sehingga ia mengalir pada bahagian mesin (oven) yang tercemar najis dan hilang bau, rasa dan warna. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan mesin tersebut rosak; (b) Selepas itu, basuh sebanyak enam (6) kali dengan mengalirkan air bersih/ mutlak. Langkah ini boleh dilakukan dengan menggunakan kain basah bertujuan untuk mengelakkan kerosakan pada mesin.
- x. Sertu pinggan mangkuk berskala besar: Boleh dilakukan dengan menggunakan mesin sertu khas. Kaedahnya ialah pinggan mangkuk yang terkena najis *mughallazah* dibersihkan dahulu dengan air biasa. Kemudian, pinggan mangkuk akan dimasukkan dalam bahagian mesin yang mengandungi air tanah. Setelah itu, pinggan tersebut akan melalui bahagian air mutlak iaitu dengan 6 kali basuhan dan disinitasi. Kaedah ini diamalkan di Syarikat Brahim's Sats KLIA (Pemerhatian peribadi pada 15 Ogos 2018).
- xi. Sertu kawasan berkarpet: Proses sertu boleh dilakukan menerusi kaedah 'vacuum cleaning'. *Ain najasat* dihilangkan dahulu, kemudian semburan air tanah dibuat menggunakan vakum khas untuk cucian karpet, dan diikuti dengan basuhan enam kali dengan air mutlak, juga menggunakan teknik vakum. Teknik ini pernah dilakukan oleh Syarikat Global Dibagh Sdn. Bhd. (Mohamad Azri Husin, 17 Oktober 2018).

### **Keadaan-keadaan Sertu Perlu Dilakukan**

Dalam konteks industri halal, sertu tidak wajib dilakukan oleh sesebuah premis atau syarikat melainkan jika ingin mendapatkan persijilan halal. Terdapat beberapa situasi yang menuntut supaya prosedur sertu dilakukan iaitu (JAKIM, 2013);

- i. Pihak syarikat telah membeli mesin terpakai dan diyakini penggunaannya terdahulu telah tercemar dengan najis *mughallazah*.

- ii. Perubahan proses pengeluaran daripada produk tidak halal ke produk halal yang melibatkan penggunaan mesin yang sama.
- iii. Tempat penyimpanan produk tidak halal ditukar untuk penyimpanan produk halal (sejuk beku dan sejuk dingin).
- iv. Kediaman yang dibeli daripada non-muslim dan diyakini status kebersihan dan kesuciannya tercemar dengan najis mughallazah.
- v. Pengangkutan yang telah membawa produk tidak halal dan hendak ditukarkan untuk membawa produk halal.
- vi. Pakaian dan sebagainya yang terkena najis mughallazah.

### **Prosedur Perlaksanaan Sertu Industri**

Proses sertu perlu dipantau dan disahkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di sesebuah kilang, premis, hotel dan sebagainya. Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan sertu yang efektif beberapa proses perlu diikuti (JAKIM, 2013):

- i. Ahli Jawatankuasa Halal syarikat perlu memastikan perkara yang berkaitan dengan pertukaran/perubahan proses pengeluaran atau penyimpanan daripada produk non halal ke produk halal tidak berlaku pada masa depan.
- ii. Halal Executive (Pengurusan Kualiti Makanan) mesti menghubungi JAIN atau JAKIM sekiranya terdapat isu-isu berkaitan halal terutamanya yang melibatkan proses sertu.
- iii. Pihak syarikat perlu mengemukakan surat permohonan sertu kepada pihak JAIN sekiranya diperlukan.
- iv. Ahli Jawatankuasa Halal perlu melantik hanya pekerja Muslim sahaja yang akan melakukan sertu.
- v. Pegawai JAIN perlu memantau dan mengesahkan proses sertu dilakukan dengan betul mengikut Syarak.
- vi. Surat rasmi pengesahan sertu perlu dikeluarkan oleh pihak JAIN kepada syarikat berkenaan.

### **PERBINCANGAN**

Sertu merupakan satu kaedah khusus bagi menyucikan kawasan-kawasan yang terkena dengan najis *mughallazah*. Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan terhadap amalan sertu kontemporari, jelas menunjukkan perbezaan dari sudut kaedah perlaksanaannya. Namun begitu, kaedah moden masih tidak lari daripada kaedah asal yang dinyatakan oleh hadis iaitu wajib membasuh dengan tujuh kali basuhan salah satunya menggunakan air tanah.

Dalam aspek sertu industri, terhadap keperluan untuk diwujudkan standard sertu yang lebih terperinci memandangkan sertu zaman moden turut melibatkan mesin-mesin yang sensitif dengan air. Hal ini turut disokong oleh Encik Mohd Jabal Abdul Rahim, CEO Halal Job Solution Plt (2019). Begitu juga dalam penyediaan tanah, meskipun hadis hanya menyebut secara umum, namun spesifikasinya perlu ditentukan dalam konteks moden bagi memastikan kebersihan dan keselamatan penggunaannya. Selain itu penggunaan kaedah semburan (*spray*) adalah sesuai bagi mengelakkan kerosakan kepada mesin dan peralatan tersebut.

Fatwa semasa mengenai sertu juga didapati mengalami perubahan khususnya dalam penggunaan sabun tanah liat atau sabun *taharah*. Pada pandangan pengkaji, fatwa sebegini telah meraikan dan memberi kemudahan bagi melakukan proses sertu. Bahkan ketika ini, terdapat juga inovasi yang dilakukan oleh beberapa syarikat tempatan umpamanya menghasilkan produk sertu dalam bentuk cecair (*liquid sertu detergent*). Antaranya seperti yang dihasilkan oleh Syarikat Tahra Majestic Sdn Bhd (Mohamad Azri Husin, 2019).

Namun demikian, apa yang perlu dipastikan adalah supaya kandungan kadar tanah melebihi kadar bahan-bahan lain seperti yang telah diputuskan dalam keputusan fatwa di Malaysia. Bagi pihak penyedia perkhidmatan sertu pula, perlulah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Perkara menjadi keutamaan bagi pihak berautoriti halal

seperti di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Agama Islam Selangor.

Penggunaan teknologi moden dalam pelaksanaan sertu juga menunjukkan telah berlaku inovasi yang besar dalam industri sertu itu sendiri. Ini membuktikan bahawa tiada alasan untuk tidak melaksanakan tuntutan agama, bahkan kewujudan teknologi telah membantu memudahkan lagi perlaksanaannya. Ini dibuktikan dengan wujudnya mesin sertu pinggan mangkuk (pemerhatian di Brahim Slt Catering, KLIA pada 24 September 2019), teknik *vacuum cleaning* bagi sertu kawasan berkarpet, dan peralatan-peralatan moden sertu yang lain (Mohamad Azri Husin, 2019).

Komitmen pihak industri juga amat penting bagi mengukuhkan lagi industri sertu di peringkat global. Sebagai contoh, hasil temubual yang dibuat menunjukkan terdapat usaha pihak industri menggunakan peralatan khas bagi mengukur keberkesanan tanah dalam membasmi kuman dan bakteria merbahaya, dan perkara ini telah pun terbukti secara saintifik. Oleh itu, sertu bukan sahaja dapat dipromosikan sebagai amalan ritual ibadat dalam Islam, bahkan sebagai ejen pembersih yang memberi manfaat kesihatan kepada manusia.

Selain itu, aspek pemerksaan modal insan juga adalah antara perkara yang perlu diberikan perhatian sepertimana ditegaskan oleh Encik Mohd Amri Abdullah, Ketua Malaysia International Halal Academy (MIHA) (2019) dan Puan Asniza Ahmad, Ketua Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (2019). Antara langkah terbaik adalah dengan melatih pegawai dan Ahli Jawatankuasa peringkat masjid mengenai selok belok sertu, untuk memudahkan pelaksanaan sertu seperti yang dijelaskan oleh Puan Wan Najmiah Wan Mohd Ali dari Jabatan Agama Islam Selangor (2019).

Bahkan pengkaji berpandangan bahawa, memandangkan sertu sudah mengalami perubahan besar dalam industri halal, maka amat perlu untuk diwujudkan latihan-latihan khas kepada jurusertu yang membolehkan mereka mendapat sijil profesional sertu. Perkara ini dapat dilaksanakan menerusi kerjasama antara penyedia latihan halal yang bernaung di bawah Konsortium Institut Halal Malaysia (KIHIM) dengan sokongan JAKIM dan Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

## **PENUTUP**

Islam amat mementingkan kebersihan dalam penggunaan peralatan seharian. Amalan sertu merupakan antara perkara terpenting untuk menghilangkan kuman-kuman penyakit yang terdapat pada peralatan atau kawasan-kawasan yang terkena najis khususnya najis mughallazah. Pihak-pihak yang berkaitan hendaklah merujuk kepada garis panduan sertu yang diwujudkan sebagai parameter dalam menentukan cara sebenar sertu yang diharuskan oleh Syarak. Selain itu penyelarasan antara pihak-pihak berautoriti agama juga perlu dilakukan supaya industri sertu dapat terus berkembang di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Perlaksanaan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Amalan Terbaik” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/KHAS\_IHRAM/03/051007/13718).

## **RUJUKAN**

- Al-Shīrāzī, Abū Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yūsuf. T.th. *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shafi'i*. T.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zuhaylī, Wahbah bin Mustafa. 2007. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Hajah Durriyyah al-Aizh. T.th. *Fiqh al-Ibadat Ala al-Madhab al-Shafi'i*. t.tp: t.pt.



- Ibn Daqīq al-Ayd. T.th. *Ihkām al-Ihkām Sharḥ Umdat al-Ahkām*. T.tp: Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah.
- Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad. 1983. *Tuḥfat al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.
- Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūri. T.th. *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)*. Ed: Muḥammad Fuad Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-Arabi.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. 2017. *Penggunaan Sumber Haiwan dalam Penghasilan Produk Halal di Malaysia*. Tesis Phd. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Mahyeddin Mohd Saleh, Irwan Mohd Subri, Mustafa ‘Afifi Abdul Halim and Nisar Mohammad Ahmad. 2017. *Tanning (Dibagh) and Its Modern Application*. Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry. Selected Papers from the International Halal Conference 2014. T.tp: Springer Singapore.

### **Jurnal**

- Ahmad, N., & Shariff, S. M. 2016. Supply Chain Management: Sertu Cleansing for Halal Logistics Integrity. *Procedia Economics and Finance*, 37, 418-425.
- Hashim, P., Kassim, N., Hashim, D. M., & Jol, H. 2013. Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry. *Turkish Online Journal of Science & Technology*, 3(3).
- Kassim, N., Hashim, P., Hashim, D. M., & Jol, H. 2014. New Approach of Samak Clay Usage for Halal Industry Requirement. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 186-192.

### **Garis panduan**

- JAKIM. 2013. *Garis Panduan Sertu Menurut Islam*. Kuala Lumpur.

### **Internet**

- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017. *Sertu*.  
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sertu>.
- Kosmo (2015, September 7). *Pelanggan biadab bawa anjing*. <http://www.kosmo.com.my>.
- Malaysiakini (2017, Mei 30). *McD samak kedai lepas pelanggan bawa anjing*.  
<https://www.malaysiakini.com/news/383957>.
- Malaysian Digest (2018, Mac 7). *Masjid buang karpét selepas ruang solat dimasuki babi*. Diakses dari: <http://malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/726722-masjid-buang-karpét-selepas-ruang-solat-dimasuki-babi.html>

### **Temubual**

- Mohamad Azri Husin, CEO Global Dibagh Sd. Bhd dan Tahra Majestic Sdn. Bhd. 17 Oktober 2019.
- Mohd Jabal Abdul Rahim, CEO Halal Job Solution Plt, 19 Februari 2019.
- Mohd Amri Abdullah, Ketua Malaysia International Halal Academy (MIHA), 10 April 2019.
- Puan Wan Najmiah Wan Mohd Ali, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 12 Jun 2019.
- Puan Asniza Ahmad, Ketua Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. 19 Jun 2019.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*